

Kerjasama dagangan Malaysia, Turkiye bernilai RM47b

Oleh **NURAINA HANIS
ABD. HALIM**

hanis.halim@mediamulia.com.my

ANKARA: Kerjasama startegik Malaysia dan Turkiye bakal memberi manfaat perdagangan bernilai sekitar RM47 bilion (AS\$10 bilion) untuk kedua-dua buah negara, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu dicapai pada lawatan beliau ke negara itu yang berakhir semalam dan ia dilihat realistik selepas mengambil kira kekuatan ekonomi Turkiye serta pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia yang kini menjadi tumpuan pelaburan bernilai tinggi.

“Sasaran AS\$10 bilion (RM47 bilion) itu sebenarnya bukan cita-cita tinggi kerana Turkiye mempunyai ekonomi yang kukuh.

“Malaysia, walaupun bersaiz lebih kecil, tetapi berkembang dengan sangat pantas dan kini menjadi tarikan utama dalam sektor semikonduktor, pusat data kecerdasan buatan serta teknologi baharu,” katanya dalam kenyataan bersama Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan di Kompleks Presiden, Ankara, Turkiye.

Anwar berkata, Malaysia mendapat manfaat ketara daripada pengaturan perolehan kerajaan ke kerajaan yang melibatkan industri pertahanan Turkiye, terutama tentera laut dan aeroangkasa dan menyifatkan kerjasama itu sebagai ke-

lebih utama untuk Malaysia.

Bersambung di muka 3

Kerjasama dagangan Malaysia, Turkiye bernilai RM47b

Dari muka 1


Katanya, kerjasama sedemikian juga mencerminkan model perkongsian baharu berlandaskan prinsip tadbir urus yang baik dan ketelusan dengan skop kerjasama dua hala itu akan diperluaskan lagi untuk merangkumi industri halal dan kewangan Islam, yang disifatkan sebagai sektor yang mempunyai potensi kukuh untuk kedua-dua negara meneroka dan memajukan bersama.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Turkiye dari Januari hingga November 2025 berjumlah RM21.2 bilion (AS\$4.92 bilion), ia menekankan kepentingan Turkiye yang berterusan sebagai rakan kongsi ekonomi untuk Malaysia.

Pada 2024, Turkiye adalah rakan dagang ketiga terbesar Malaysia, destinasi eksport terbesar dan sumber import keempat terbesar dalam kalangan negara-negara di Asia Barat dengan jumlah perdagangan bernilai RM24.15 bilion (AS\$5.28 bilion).

Terdahulu, Anwar dan Erdogan menyaksikan pemeteraian tujuh dokumen bagi mengukuhkan kerjasama strategik antara kedua-dua negara merentasi pelbagai bidang keutamaan termasuk Memorandum Persefahaman (MoU) dalam Bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Turut dimeterai, MoU antara Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia dengan Yayasan Penyelidikan Poli-



ANWAR Ibrahim dan Recep Tayyip Erdogan bertukar dokumen Deklarasi Bersama Majlis Kerjasama Strategik Peringkat Tinggi (HLSCC) Malaysia Turkiye sempena lawatan rasmi Perdana Menteri ke Turkiye. di Ankara, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

tik, Ekonomi dan Sosial (SETA).

Selain itu, Surat Niat (LoA) perolehan sebuah Kapal Misi Pelbagai Guna (MPMS) 2 turut dimeterai antara Kementerian Dalam Negeri Malaysia dan Desan Shipyard.

Kedua-dua pemimpin turut menyaksikan pertukaran Surat Setuju Terima Perolehan satu unit Kapal Misi Pelbagai Guna (MPMS) 2, sebagai sebahagian pengukuhan kerjasama pertahanan dua hala.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Malaysia dan Turkiye bersejua meningkatkan hubungan dua hala ke tahap Majlis Kerjasama Strategik Peringkat

Tinggi (HLSCC).

Katanya, usaha itu bagi mempercepat kerjasama perdagangan, pelaburan dan ekonomi dalam suasana ketidakpastian global yang semakin mencabar.

"Kami sedar bahawa kerjasama yang bersifat praktikal sahaja tidak lagi mencukupi dalam dunia yang penuh ketidakpastian ketika ini.

"Keadaan ini menuntut pendekatan dan dasar baharu yang lebih menyeluruh, khususnya bagi memperkukuh perdagangan, pelaburan dan kerjasama antara kedua-dua negara," katanya.

Terdahulu, Anwar dan Recep

Tayyip membincangkan usaha kerjasama dua hala dalam menghadapi cabaran geopolitik dan ekonomi global yang semakin kompleks.

Perdana Menteri kemudian dianugerahkan Order of the Republic, darjah kebesaran tertinggi Turkiye sebagai pengiktirafan terhadap peranan beliau dalam memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan Turkiye.

Anugerah berkenaan disampaikan Presiden Turkiye dalam satu majlis rasmi di Kompleks Presiden, bersempena lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri ke republik itu berakhir semalam.